



PEJABAT DAERAH/TANAH
KUALA LANGAT

PELAN STRATEGIK

TAHUN
2021 - 2025

BERSAMA MENDEPANI CABARAN GLOBAL

PEJABAT DAERAH/TANAH KUALA LANGAT



PELAN STRATEGIK

PEJABAT DAERAH/TANAH KUALA LANGAT

2021 - 2025

ISI KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	2
<i>Sejarah & Pengenalan</i>	5
<i>Punca Kuasa</i>	10
<i>Visi, Misi, Moto dan Slogan</i>	11
<i>Carta Organisasi</i>	12
<i>Fungsi dan Peranan</i>	15
<i>Bahagian Khidmat Pengurusan</i>	16
<i>Fungsi Bahagian Pengurusan Tanah</i>	18
<i>Fungsi Bahagian Pembangunan</i>	20
<i>Fungsi Unit Perundangan</i>	21
<i>Rangka Kerja Strategi (Strategy Framework)</i>	23
<i>Rangka Kerja Kualiti (Quality Framework)</i>	24
<i>Stakeholders & Pelanggan</i>	24
<i>Nilai Bersama</i>	25
<i>Isu Strategik & Matlamat Teras Strategik</i>	26
<i>Teras Strategik</i>	28
<i>Pemantauan & Kajian Semula</i>	48
<i>Pencapaian</i>	49
<i>Ucapan Penghargaan</i>	51

ITS ALWAYS SEEEMS
IMPOSSIBLE
UNTIL ITS DONE

~ Nelson Mandala ~



PRAKATA

Syukur kehadirat Allah S.W.T atas rahmat dan rahimNya jua maka Pelan Strategik Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat (PDTKL) 2021 sehingga 2025 dapat disiapkan untuk dijadikan panduan asas strategik dalam mendepani cabaran lima tahun ke hadapan. Sekalung tahniah kepada warga PDTKL yang terlibat dalam proses pembangunan pelan ini.

Pelan Strategik PDTKL 2021 sehingga 2025 ini bertemakan “*BERSAMA MENDEPANI CABARAN GLOBAL*”, menjelaskan hala tuju untuk lima tahun ke hadapan. PDTKL mengariskan empat matlamat strategik utama yang perlu dicapai. Pertama, Pembudayaan Amalan Tadbir Urus Yang Murni selari dengan perkembangan dan perubahan global. Kedua, Memperkuatkannya Pengurusan dan Pentadbiran Tanah agar lebih efisien dan kompetitif. Ketiga, Integrasi Pembangunan dan Pengukuhan Sosio Ekonomi yang mampan demi menjaga kesinambungan sumber dan keperluan generasi hadapan dan keempat, Pengukuhan Keselamatan dan Kemasyarakatan bersama agensi-agensi di peringkat agensi dan komuniti dalam Daerah Kuala Langat.

Secara ringkasnya, pelan ini meletakkan empat (4) matlamat strategik, tiga belas (13) strategi dan dua puluh sembilan inisiatif (29) yang akan dijadikan asas halatuju dalam mengangkat PDTKL menjadi organisasi cemerlang selari dengan motto Kerajaan Negeri, “*SELANGOR MAJU BERSAMA*”.

Justeru penetapan visi PDTKL bagi menjadikan Kuala Langat Daerah Terunggul di Selangor dan Pejabat Daerah dan Tanah Termaju di negara ini menjelang tahun 2025 pasti akan menjadi kenyataan.

Sekian, terima kasih.



**TUAN MOHD HEEZA BIN HASSAN
PEGAWAI DAERAH KUALA LANGAT
MAC 2022**



*“Anda tidak dapat melarikan
diri dari tanggungjawab
hari esok dengan
menghindari hari ini”*

~ABRAHAM LINCOLN~

Sunset kelanang

SENARAI PEGAWAI DAERAH KUALA LANGAT

1.	N.R Jarret	1925 – 1926
2.	W.A Gordon Hall	1926 – 1928
3.	J. Fockner	1928 – 1929
4.	Dato' Hamzah bin Abdullah	1929 – 1931
5.	Y.T.M. Tunku Abd Rahman	1932 – 1933
6.	Kapten Mohd. Salleh bin Sulaiman	1933 – 1934
7.	Tengku Aman Shah	1934 – 1935
8.	Othman bin Mohamed	1935 – 1936
9.	Mokhtar bin Mohd Shah	1937 – 1939
10.	Y.M. Raja Ayob bin Raja Haji Bot	1940 – 1941
11.	Dato' Ismail bin Mohd Shah	1942 – 1945
12.	Major Black	1945 – 1946
13.	C.W.F Clifford	1946 – 1947
14.	P.H Setchel	1947 – 1948
15.	J.A Freaser	1949 – 1950
16.	W. Tucker	1951 – 1952
17.	Ismail bin Dr. Abd Latiff	1953 – 1955
18.	Y.M. Tunku Syed Abdullah	1956 – 1957
19.	Ibrahim bin Ali	1958 – 1959
20.	Akasah bin Haji Ali	1959 – 1959
21.	Y.M. Raja Shah Kobat bin Raja Hamzah	1959 – 1962
22.	Sulaiman bin Don	1963 – 1964
23.	Abdul Rahim bin Hussein	1965 – 1968
24.	Taib bin Ali	1969 – 1969
25.	Ismail bin Kadir	1969 – 1970
26.	Hj. Wan Hilal bin Hj. Wan Abd. Rahman	1970 – 1978
27.	Haji Omar bin Khalid	1979 – 1983
28.	Haji Ahmad Rafai bin Abdullah	1983 – 1984
29.	Mohamad Ghazali bin Haji Yahya	1984 – 1991
30.	Asaha@Ishak bin Abong	1992 – 1995
31.	Mohd Yusop bin Mat Judin	1996 – 2000
32.	Md Yusup bin Badul	2000 – 2002
33.	Rozali bin Ahmad	2002 – 2005
34.	Dato' Asmawi bin Kasbi	2005 – 2011
35.	Mohamad Yasid bin Bidin	2011 – 2012
36.	TN. Haji Rosli bin Othman	2012 – 2018
37.	TN. Haji Mohd Jusni bin Hashim	2018 – Kini



SEJARAH DAN PENGENALAN

TAHUN 1876 - 1920



Bangunan bekas Pejabat Daerah Jugra merupakan pusat pentadbiran pada zaman pemerintahan Inggeris bagi menguruskan hal-hal kewangan dan perundangan negeri. Tinggalan sejarah ini telah menjadi bukti bahawa Pentadbiran Negeri Selangor telah menerima pemerintahan secara Residen buat pertama kalinya semasa era pemerintahan Sultan Abdul Samad.

Pada ketika itu, Residen Inggeris yang pertama iaitu J.G Davidson yang ditempatkan di Klang, manakala Penolong Residen itu Frank Swettenham telah ditempatkan di Jugra.

Bangunan ini turut menempatkan kemudahan bank dan mahkamah bagi memudahkan urusan orang ramai. Lokasinya amat strategik kerana terletak di lereng Bukit Jugra bagi memerhatikan kapal-kapal pedagang keluar masuk menghala ke Sungai Langat.

TAHUN 1920 – 1965



Seterusnya pada era pemerintahan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah pula, pusat pentadbiran kolonial Inggeris di Daerah Kuala Langat telah berpindah ke Telok Datok pada tahun 1920.

Lokasi pejabat ini agak jauh daripada Istana Bandar yang menjadi tempat bersemayam Baginda Sultan Selangor pada ketika itu. Namun begitu, lokasi pejabat ini masih hampir dengan Sungai Langat yang menjadi laluan utama kapal-kapal pedagang.

Pejabat ini kekal menjadi pusat pentadbiran Daerah Kuala Langat sehingga tahun 1965.

SEJARAH DAN PENGENALAN

TAHUN 1966 – 2008



Pada tahun 1966, pejabat baharu telah dibina dengan struktur yang lebih kukuh di tapak yang sama di Telok Datok dengan peruntukan Kerajaan Negeri Selangor sebanyak RM 200,000.00.

Bangunan ini telah dirasmikan pada 21 Mei 1967 oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Y.A.B Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein Alhaj yang juga selaku Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Setelah 42 tahun, bangunan yang kini masih gah berdiri di Telok Datok telah menjadi sejarah dalam pentadbiran Daerah Kuala Langat pasca kemerdekaan dalam memberikan perkhidmatannya kepada masyarakat. Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat akhirnya telah berpindah ke bangunan baru di Kota Sri Langat (Sg. Sedu) pada tahun 2008.

TAHUN 2008 – KINI



Bangunan Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat mula dibina pada tahun 2004. Pembinaannya telah mengambil konsep reka bentuk dan nilai-nilai estetika Istana Sultan Alaeddin Sulaiman Shah di Kampung Bandar, Mukim Bandar Jugra. Lokasi bangunan ini terletak di Kota Sri Langat (Sungai Sedu). Bangunan baru ini telah memulakan operasinya pada 16 April 2008. Suasana persekitaran kerja adalah lebih kondusif dan selesa kepada warga kerja serta pelanggan yang berurus di pusat pentadbiran ini.



PROFIL DAERAH KUALA LANGAT



MUKIM TELOK PANGLIMA GARANG

- ❖ Kampung Sijangkang
- ❖ Kampung Batu 9, Kebun Baharu
- ❖ Kampung Batu 10, Kebun Baharu
- ❖ Kampung Medan
- ❖ Kampung Sungai Jarom
- ❖ Kampung Sungai Rambai
- ❖ Kampung Telok Panglima Garang

MUKIM TANJUNG DUA BELAS (I)

- ❖ Kampung Sungai Lang Baru
- ❖ Kampung Sungai Kelambu
- ❖ Kampung Sungai Manggis
- ❖ Kampung Banting
- ❖ Kampung Jenjarom
- ❖ Kampung Seri Cheeding
- ❖ Kampung Jaya Sepakat

MUKIM BATU

- ❖ Kampung Tanjung Sepat Darat
- ❖ Kampung Tanjung Sepat Indah
- ❖ Kampung Kundang
- ❖ Kampung Tumbuk Darat
- ❖ Kampung Batu Laut
- ❖ Kampung Ladang Batu

MUKIM BANDAR

- ❖ Kampung Sungai Buaya
- ❖ Kampung Bandar
- ❖ Kampung Sawah

MUKIM TANJUNG DUA BELAS (II)


- ❖ Kampung Olak Lempit
- ❖ Kampung Labohan Dagang
- ❖ Kampung Bukit Changgang
- ❖ Kampung Rancangan Tanah Belia (RTB) Bukit Changgang

MUKIM KELANGANG

- ❖ Kampung Kanchong Tengah
- ❖ Kampung Sungai Lang Tengah
- ❖ Kampung Kanchong Darat
- ❖ Kampung Kelanang

MUKIM JUGRA

- ❖ Kampung Melayu, Pulau Carey
- ❖ Kampung Permatang Pasir
- ❖ Kampung Seri Jugra



PELANCONGAN

- Tempat Bersejarah
- Eco-Tourism
- Agro-Tourism
- Kebudayaan & Kraftangan
- Sukan & Rekreasi

JARINGAN JALANRAYA

- Shah Alam – Kuala Langat
- Klang – Kuala Langat
- Sepang – Kuala Langat
- KLIA – Kuala Langat
- Kuala Lumpur



Jadilah seperti pohon
yang tumbuh dan
berbuah lebat. Dilempar
dengan batu, tetapi
membalasnya dengan
buah”

~ Abu Bakar As Siddiq ~

PUNCA KUASA

AKTA AKUAN BERSUMPAH
1960

PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN

SELANGOR LAND CODE

MANUAL KTN 1965

TRUSTEE ACT
(AKTA PEMEGANG
AMANAH)

SMALL ESTATE
(DISTRIBUTION ACT)

KANUN TANAH NEGARA
1965

SURAT KUASA WAKIL
ORDINAN (PA
ORDINANCE) 64/1949

AKTA PERLEMBAGAAN
NEGARA

ENAKMEN REZAB MELAYU

AKTA PENGAMBILAN
TANAH 1960

AKTA BEKALAN ELEKTRIK
1960
(AKTA 447)

PEKELILING, PERINTAH
& ARAHAN DARIPADA
PENGARAH PTGS &
KETUA PENGARAH JKPTG

KANUN TANAH NEGARA
1965

AKTA DUTI SETEM 54/49

UMUM / AM

SURAT PEKELILING
PERKHIDMATAN AWAM

ARAHAN PERBENDAHARAAN

PERINTAH AM

PEKELILING
PERBENDAHARAAN

ARAHAN KESELAMATAN

PEKELILING
PERKHIDMATAN AWAM

AKTA RAHSIA RASMI
1972

TATCARA/GARIS PANDUAN
MAJLIS, KERAIAN &
PROTOKOL

ARAHAN MAJLIS
KESELAMATAN NEGARA

PEKELILING/SURAT ARAHAN PENTADBIRAN KETUA
JABATAN & SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



VISI, MISI, MOTO DAN SLOGAN



VISI

Kuala Langat daerah terunggul di Selangor dan Pejabat Daerah / Tanah termaju di Malaysia menjelang 2025

MISI

Memberi Perkhidmatan Yang Prihatin, Berkualiti Dan Mesra Demi Kesejahteraan Rakyat



MOTO

Menarik, Kondusif Dan Berdaya Saing

SLOGAN


Anda Diutamakan


CARTA ORGANISASI PEJABAT DAERAH/TANAH KUALA LANGAT

Ringkasan:




Jumlah keseluruhan
172





PELAN STRATEGIK TAHUN 2021 – 2025





FUNGSI DAN PERANAN

Antara fungsi utama Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat

- Pusat pembayaran cukai tanah
- Memberi perkhidmatan dalam urusan tanah, pindah milik, gadaian, kaveat, pesaka dan penguatkuasaan
- Menyediakan projek-projek pembangunan, projek-projek mesra rakyat, membantu meningkatkan ekonomi rakyat dengan adanya IKS (Industri Kecil dan Sederhana)
- Bantuan rumah rakyat termiskin dan sebagainya



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH



BAHAGIAN PEMBANGUNAN



UNIT PERUNDANGAN

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Unit Pentadbiran & Kewangan

- Pengurusan Sumber Manusia, Modal Insan & Perkhidmatan.
- Pengurusan & Pentadbiran Kewangan.
- Pengurusan & Pentadbiran Am Pejabat.
- Pengurusan & Penyelenggaraan Aset Stor Dan Bangunan Kerajaan.
- Pengurusan Aduan Awam Dan Khidmat Pelanggan.
- Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Berkala / Pelbagai Mesyuarat Lain.
- Urusetia Lesen Eksais Arak Dan Hiburan.

Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi

- Memberikan Perkhidmatan ICT Ke Arah Merealisasikan Program Kerajaan Elektronik.
- Memantau & Menyelenggara Kemudahan Infrastruktur ICT, Perkakasan, Perisian, Sistem Keselamatan & Rangkaian Jabatan.
- Membangun & Mengemaskini Laman Web Rasmi Jabatan.
- Menyelia & Menyediakan Latihan ICT Kepada Penjawat Awam Bagi Membudayakan ICT.
- Membantu Aktiviti Pusat Komuniti IT Dan Info Desa.
- Pengurusan Meja Bantuan.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Unit Majlis & Keraian

- Menyelaras, mengatur dan melaksanakan Majlis Rasmi, program sambutan dan keraian Kerajaan Negeri & Persekutuan di Peringkat Daerah, Mukim dan Kampung.
- Urusetia pelbagai Lawatan Rasmi Peringkat Daerah, Negeri dan Persekutuan.
- Urusetia pelbagai Program, Aktiviti dan Mesyuarat di Peringkat Daerah.
- Menyelaras Program Agama Islam Peringkat Daerah.
- Urusetia Pencalonan Anugerah, Bintang & Darjah Kebesaran (Negeri & Kebangsaan).

Unit Keselamatan

- Bertindak sebagai Urusetia Keselamatan Daerah seperti Pengurusan Krisis dan Bencana, Gejala Sosial, PATI, Hal Ehwal Pengguna, Perpaduan Masyarakat, Kawalan Penyakit Berjangkit, Pemulihan Dadah dan sebagainya.
- Majlis Keselamatan Jalan Raya.
- Menyelaras Jabatan / Agensi di Peringkat Daerah (Isu Keselamatan).
- Menyelaras dan memantau pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan Peringkat Daerah.

FUNGSI BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH

Unit Pembangunan Tanah

- Menerima dan memproses permohonan bagi permohonan pecah sempadan, pecah bahagian, penyatuan, serah balik dan berimilik semula, serah sebahagian tanah dan serah keseluruhan tanah.
- Ulasan Kebenaran Merancang.
- Laluan Rintis TNB.
- Pengambilan Tanah (Akta Pengambilan Tanah 1960).

Unit Pelupusan Tanah

- Menerima dan memproses permohonan bagi Pemberimilikan, Lesen Menduduki Sementara, Permit Bahan Bantuan, Hak Lalu-Lalang, Lanjut tempoh pajakan, Pajakan Tanah Kerajaan dan Pewartaan.

Unit Pendaftaran

- Menguruskan Pendaftaran Urusniaga dan bukan Urusniaga Tanah.
- Menguruskan Pendaftaran Hakmilik (Baru, Gantian, Sambungan Dll).
- Penukaran Hakmilik Sementara kepada Hakmilik Kekal.
- Memproses Permohonan Perintah Jual.
- Lain-lain urusan berkaitan Hakmilik.



FUNGSI BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH

Unit Hasil

- Menerima bayaran cukai tanah, cukai taksiran, urusan perserahan bagi pendaftaran hakmilik.
- Mengemaskini maklumat data hakmilik yang terkini dalam Sistem Pungutan Hasil Tanah.
- Menyediakan Laporan Bulanan Kutipan Hasil, Penyata Penyesuaian Hasil dan lain-lain laporan.
- Mengawalselia dan mengemaskini maklumat-maklumat Bil Hasil Tanah dan masalah yang berkaitan.

Unit Penguatkuasaan / Teknikal

- Memantau dan mengambil tindakan terhadap Pengalihan Bahan Batuan, Pencerobohan Tanah Kerajaan, Pelanggaran Syarat.
- Penyediaan Laporan Teknikal/Tanah.
- Mengemaskini Pelan Tanah.

FUNGSI BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Unit Pembangunan Masyarakat

- Merancang Pembangunan Daerah & Ekonomi Masyarakat.
- Menyelaras dan melaksana Inisiatif Peduli Rakyat (IPR).
- Menyelaras Program Pembasmian Kemiskinan & IKS.
- Menyelaras pelantikan dan penamatan Ketua-Ketua Kampung / MPKK Kampung Tradisi, Kampung Baru Cina dan Ketua Komuniti India.
- Menyelaras dan memantau Peruntukan ADUN dan Ahli Parlimen.
- Menyediakan profil Daerah.

Unit Pembangunan Fizikal


- Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau pelaksanaan Projek Pembangunan Fizikal Daerah.
- Menyelaras dan mengawasi Perancangan Pembangunan Fizikal Tempatan bersama PBT.
- Menyelaras pembangunan fizikal melibatkan agensi-agensi pusat di peringkat Daerah.
- Memantau pelaksanaan kemajuan Projek Fizikal Negeri di Daerah.
- Menyelaras, memantau dan mengemaskini data dalam Sistem Maklumat Tanah Berdigital (DeGIS).



UNIT PERUNDANGAN

Unit
Perundangan

- Memberi khidmat nasihat / pandangan perundangan kepada Bahagian/Unit di Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat dan orang awam berkaitan Hal Ehwal Tanah apabila dirujuk;
- Membantu Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor menyediakan dokumentasi perundangan/kertas kausa (Penyataan Pembelaan/Afidavit Jawapan) bagi kes-kes sivil yang melibatkan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat untuk difaiklan ke Mahkamah;
- Membuat semakan perjanjian/kontrak melibatkan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat; dan
- Membuat pewartaan dan pembatalan pewartaan bagi pegawai di Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat sebagai Majistret Kelas Pertama (I), Majistret Kelas Kedua (II), Pentadbir Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah.


A wide-angle photograph of a majestic mountain range under a dramatic sky. The mountains are rugged with patches of snow and ice. In the foreground, a dense forest of tall evergreen trees is partially obscured by low-hanging clouds or mist. The sky above is a mix of deep blue and warm orange and yellow hues, suggesting either sunrise or sunset.

*“Menjaga air muka adalah
hiasan bagi orang miskin,
sebagaimana syukur adalah
hiasan bagi orang kaya”*

- Ali bin Abi Thalib -




RANGKA KERJA STRATEGI (*Strategy Framework*)



RANGKA KERJA QUALITI (*Quality Framework*)



STAKEHOLDERS & PELANGGAN





NILAI BERSAMA

STRATEGI



Bertindak secara strategi dalam tugas seharian bagi perkhidmatan yang prihatin, berkualiti dan mesra.

PROFESIONAL

Bertindak dengan penuh komitmen dengan memanfaatkan kompetensi dan kepakaran spesifik apabila mencadangkan penyelesaian dan penambahbaikkan bagi setiap masalah.



RESPONSIF



Peka dan prihatin kepada kehendak stakeholders dan keperluan pelanggan di samping memahami situasi semasa dan cepat bertindak bagi mencari penyelesaian terbaik demi kesejahteraan dan kebajikan rakyat.

KERJA BERPASUKAN

Menggembung tenaga, pengetahuan dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi.



BERINTEGRITI



Berkhidmat dengan penuh komitmen dan rasa tanggungjawab terhadap kualiti output yang dihasilkan berasaskan etika kerja cemerlang dan tingkah laku beramanah.

ISU-ISU STRATEGIK



MATLAMAT TERAS STRATEGIK





*The best
revenge is to
improve
yourself*

~ ALI BIN ABI THALIB ~

TERAS STRATEGIK

T1: MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH

STRATEGI	AKTIVITI / PROGRAM	OBJEKTIF / OUTCOME
<p>1</p> <p>Meningkatkan Kecekapan Pentadbiran Tanah</p>	<p>Memantapkan proses dan prosedur pendaftaran tanah</p>	<p>Pematuhan kepada Piagam Pelanggan</p> <p>Membentuk <i>front liner</i> yang cekap dan berinformasi</p>
	<p>Perluasan penggunaan Sistem eConsent dalam urusan pentadbiran tanah.</p>	<p>Menambahbaik dan memperkemas kualiti dan produktiviti kerja</p> <p>Pemancu ke arah kualiti penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan</p> <p>Pematuhan kepada Piagam Pelanggan</p>
		<p>Meningkatkan tahap kefahaman dan kepenggunaan</p> <p>Maklumat yang diberi konsisten, tepat dan cepat</p> <p>Membentuk front liner yang cekap dan berinformasi</p> <p>Pematuhan kepada Piagam Pelanggan</p>



T1: MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH

MASA/ TEMPOH	PIHAK TERLIBAT	KPI SASARAN	SASARAN
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Tanah	<p>Tempoh masa pendaftaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. 2 jam bagi Kaunter Ekspress b. 1 hari bagi perserahan biasa 	2021-2025 100%
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Tanah	Pemakluman keputusan e-Consent dalam tempoh 3 hari	2021-2025 100%
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Tanah J/K Biro Pengaduan Awam PDTKL	<p>Aduan awam diselesaikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima</p> <p>Tahap kepuasan pelanggan meningkat berdasarkan Kajian Kepuasan Pelanggan</p>	2021-2025 100% 2021-2025 100%

TERAS STRATEGIK

T1: MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH

STRATEGI	AKTIVITI / PROGRAM	OBJEKTIF / OUTCOME
 2 Melestarikan Pembangunan Tanah	Mengoptimumkan pembangunan guna tanah	Mempergiat pembangunan kawasan perumahan dan penempatan baru
 3 Mempergiat Keupayaan Kutipan Hasil	Mempelbagaikan kaedah kutipan dan medium pembayaran hasil	Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem pemantauan kutipan hasil semasa dan tertunggak Memastikan prestasi kutipan hasil berada pada kadar peratusan yang telah ditetapkan



T1: MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH

MASA/ TEMPOH	PIHAK TERLIBAT	KPI SASARAN	SASARAN
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Tanah	Memproses permohonan dan Pembangunan Tanah dalam tempoh singkat	2021-2025 100%
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Tanah	Tempoh masa pendaftaran: a. Prestasi kutipan hasil semasa meningkat b. Prestasi kutipan hasil tertunggak meningkat	2021-2025 Melebihi 90% 2021-2025 Melebihi 80%

TERAS STRATEGIK

T2: INTEGRASI PEMBANGUNAN DAN PENGUKUHAN SOSIO EKONOMI



STRATEGI

1

Mempertingkatkan
Kemudahan dan
Infrastruktur
Awam



AKTIVITI /PROGRAM

Pelaksanaan Pangkalan
Data MARRIS antara agensi
kerajaan



OBJEKTIF /OUTCOME

Memastikan ameniti dapat
disediakan mengikut
perancangan

Memastikan kuantiti dan
kualiti pembangunan dapat
diimbangi

Penyelarasan antara agensi
kerajaan berkaitan projek
MARRIS akan lebih berkesan

Mempergiat dan
memperkuuh fungsi
kawasan rekreatif sedia ada
kepada pusat aktiviti sosial,
kecergasan dan kebudayaan

Memastikan pulangan
terbaik terhadap setiap
peruntukan yang
dibelanjakan bagi tujuan
pembangunan

Pemancu ke arah
pembangunan yang mampan
Mengoptimumkan
penggunaan hasil
pembangunan sedia ada

Memperkuuh struktur dan
tadbir urus pelaksanaan
projek.

Memastikan pelaksanaan
dan perbelanjaan projek
mengikut jadual yang
ditetapkan

Memastikan prestasi
perbelanjaan bajet mengikut
jadual pelaksanaan

Memastikan projek yang
dilaksanakan mencapai
objektif yang telah
ditetapkan



T2: INTEGRASI PEMBANGUNAN DAN PENGUKUHAN SOSIO EKONOMI

MASA/ TEMPOH	PIHAK TERLIBAT	KPI SASARAN	SASARAN
2021 - 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan	<p>Kajian semula pencapaian pada setiap tahun</p> <p>Mewujudkan integrasi Pangkalan Data Kemudahan dan Infrastruktur Awam Daerah Kuala Langat</p>	<p>2021 – 2025</p> <p>100% pelaksanaan</p>
2021 - 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan	Pangkalan Data Kemudahan dan Infrastruktur awam Daerah Kuala Langat	<p>2021 – 2025</p> <p>100% pelaksanaan</p>
2021 - 2025	<p>Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan</p> <p>Pengurusan Tertinggi</p> <p>Agensi Kerajaan Daerah</p>	<p>Pembentangan Laporan Status Projek di dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Mesyuarat Bahagian Pembangunan b. Mesyuarat Pengurusan PDTKL C. Mesyuarat JKTD 	<p>2021 – 2025</p> <p>100%</p>

TERAS STRATEGIK

T2: INTEGRASI PEMBANGUNAN DAN PENGUKUHAN SOSIO EKONOMI



STRATEGI



AKTIVITI
/PROGRAM



OBJEKTIF
/ OUTCOME

2

Program usahawan muda peringkat daerah.

Mempergiatkan program hebahan Kerajaan Negeri Selangor dan PDT KL

Penyaluran maklumat melalui Unit Pembangunan Masyarakat dan media alternatif

Input terkini kerajaan dapat diterima oleh masyarakat dengan lebih tepat, cepat dan konsisten

Memastikan dana dan bantuan kerajaan memberi impak positif dan sampai kepada masyarakat yang disasarkan

Mewujudkan perkongsian maklumat dan menyebarluaskan dasar kerajaan

3

Program Kolaborasi Inter-agensi bagi Pembangunan Daerah

Melaksanakan pelbagai mesyuarat penyelarasan bersama agensi peringkat daerah

Melapor/hebahan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah

Jemputan ke program-program Peringkat Daerah

Mengadakan Bengkel Penyelarasan Projek Pembangunan Fizikal bersama agensi teknikal kerajaan

Memastikan projek/program/bantuan memberi impak yang menyeluruh

Mewujudkan perkongsian maklumat dan menyebarluaskan dasar kerajaan

Merapatkan hubungan dan meningkatkan kerjasama antara agensi

Pemancu ke arah pembangunan yang mampan



T2: INTEGRASI PEMBANGUNAN DAN PENGUKUHAN SOSIO EKONOMI

MASA/ TEMPOH	PIHAK TERLIBAT	KPI SASARAN	SASARAN
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan Pengurusan Tertinggi	Pembentangan laporan dan data permohonan/ kelulusan bagi dana dan bantuan kerajaan <ul style="list-style-type: none"> a. Mesyuarat Penyelarasan Mukim b. Mesyuarat Bahagian Pembangunan c. Mesyuarat Pengurusan PDTKL Pelaksanaan bagi program-program kerajaan mengikut jadual	2021 – 2025 100%
2021 – 2025	Pengurusan Tertinggi Agensi Kerajaan Daerah	Pembentangan Laporan di dalam: <ul style="list-style-type: none"> a. Mesyuarat Pengurusan PDTKL b. Mesyuarat JK TU c. Mesyuarat JK TD Pelaksanaan bagi program-program kerajaan mengikut jadual	2021 – 2025 100%

TERAS STRATEGIK

T3: PENGUKUHAN KESELAMATAN DAN KEMASYARAKATAN



STRATEGI

1

Mengukuhkan
Koordinasi Dan
Keberkesanan
Kerjasama Antara
Pihak
Berautonomi



AKTIVITI /PROGRAM

- Melaksanakan pelabagai mesyuarat penyelarasan program dan aktiviti peringkat Daerah
- Menyelaraskan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Bencana Daerah
- Mewujudkan Pelan Tindakan Bencana Daerah
- Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah
- Mesyuarat Penyelarasan Mukim
- Program Pengukuhan Jaringan Kolaborasi Antara Agensi Bagi Menghadapi Bencana/keselamatan daerah.**



OBJEKTIF / OUTCOME

Memastikan segala keperluan dan pelaksanaan program/aktiviti memberi impak positif dan mencapai objektif

Memastikan segala bentuk bantuan, operasi dan pemulihan dapat diselaraskan

Garis panduan kepada Pejabat Daerah selaku agensi penyelaras yang mengkoordinasi bantuan, operasi dan pemulihan bencana peringkat Daerah

Melapor/hebahan/diskusi input terkini pelbagai agensi peringkat Daerah

Melapor/hebahan/diskusi input terkini kepada pimpinan masyarakat

**T3: PENGUKUHAN KESELAMATAN DAN KEMASYARAKATAN**

MASA/TEMPOH	PIHAK TERLIBAT	KPI SASARAN	SASARAN
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Khidmat Pengurusan Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan	Kadar Pelaksanaan 100% berdasarkan takwim program/aktiviti	2021 – 2025 100%

TERAS STRATEGIK

T3: PENGUKUHAN KESELAMATAN DAN KEMASYARAKATAN



STRATEGI

2

Memantapkan
Perpaduan Dan
Keharmonian
Dalam Masyarakat



AKTIVITI /PROGRAM

Mesyuarat Penyelarasan
Mukim

Program pemantapan Majlis
Pengurusan Komuniti
Kampung (MPKK) dan
pimpinan masyarakat.

Melaksanakan pelbagai
program/aktiviti
kemasyarakatan yang
diselaraskan Penghulu
Mukim

Mewujudkan Pasukan
Keselamatan Kejiranan
(PKK) di peringkat
komuniti



OBJEKTIF / OUTCOME

Melapor/hebahan/diskusi
input terkini berhubung hal
ehwal masyarakat

Kursus dan latihan
pemantapan tadbir urus
Majlis Pengurusan Komuniti
Kampung untuk
menambahbaik dan
memperkemas pentadbiran
JKKK

Menggalakkan penglibatan
pelbagai golongan
msyarakat dalam aktiviti
sosial yang sihat dalam
menyemai semangat
kakitangan dan
kesefahaman

Memupuk
kebertanggungjawaban dan
kebersamaan dalam
menjaga dan membantu
pihak berkuasa mencegah

**T3: PENGUKUHAN KESELAMATAN DAN KEMASYARAKATAN**

MASA/TEMPOH	PIHAK TERLIBAT	KPI SASARAN	SASARAN
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan	Pelaksanaan berdasarkan takwim dan jumlah peruntukan yang telah ditetapkan	2021 – 2025 100%

TERAS STRATEGIK

T4: PEMBUDAYAAN AMALAN TADBIR URUS YANG MURNI



STRATEGI



AKTIVITI
/PROGRAM



OBJEKTIF
/ OUTCOME

1

Memperkuuhkan
Pengurusan
Organisasi
Berteraskan
Budaya Kerja
Positif

Memperkuuhkan dan
mengoperasikan Pelan
Strategik dalam tempoh
masa yang ditetapkan

Membentuk hala tuju dan
pengukuran system
penyampaian perkhidmatan

Berkejasama dengan pihak
audit dan permantauan
bertersuan

Menambahbaik dan
memperkemas kualiti dan
produktiviti kerja

Membudayakan pengurusan
organisasi yang cemerlang
Integriti dan akuantibiliti
kakitangan ditingkatkan

Mempergiat inovasi dan
kreativiti perkhidmatan

Membangun pemikiran
kreatif dan inovatif di
kalangan warga kerja

Membentuk front liner yang
cekap dan berinformasi



T4: PEMBUDAYAAN AMALAN TADBIR URUS YANG MURNI

MASA/ TEMPOH	PIHAK TERLIBAT	KPI SASARAN	SASARAN
2021 – 2025	Pengurusan Tertinggi	Kajian Semula Pelan Strategik	2021 – 2025 100%
2021 – 2025	Pengurusan Tertinggi J/K Kualiti, Produktiviti dan Inovasi J/K MS ISO 9001: 2015 J/K EKSA	Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Anugerah Inovasi Sektor Awam Selangor (AISAS) MS ISO 9001:2015 Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Program EKSA	2021 – 2025 100% 2021 – 2025 100% 2021–2025 - 100% 2021–2025 – 100% 2021–2025 – 100%
2021 – 2025	Semua Bahagian/Unit di PDTKL	Kajian dan Analisis Proses Kerja <i>Mystery Shopping</i> Kajian Kepuasan Pelanggan Kajian Kepuasan Pekerja	2021-2025 100% Pelaksanaan

TERAS STRATEGIK

T4: PEMBUDAYAAN AMALAN TADBIR URUS YANG MURNI



STRATEGI

2

Meningkatkan
Akauntabiliti
Pengurusan
Kewangan



AKTIVITI /PROGRAM

Memperkasa mekanisme
kewangan dan perakaunan



OBJEKTIF / OUTCOME

Memastikan bayaran bil
dibuat dalam tempoh 7
hingga 14 hari bekerja
selaras AP103

Membangunkan garis
panduan/ISO dalaman
sebagai panduan kearah
pengurusan kewangan yang
utuh.

Memantau prestasi
perbelanjaan, pelaksanaan
perolehan agar mengikut
Arahan Perbendaharaan dan
memberi impak nilai pada
wang

Bekerjasama dengan pihak
audit dan pemantauan
berterusan

Integriti dan akauntabiliti
pegawai dan kakitangan
ditingkatkan

Memastikan teguran audit
dijawab berdasarkan Arahan
Perbendaharaan

Membentuk *front liner* yang
cekap dan berinformasi

Pengurangan sebut harga
perolehan perbekalan dan
perkhidmatan

Memastikan
projek/program/perbekalan
yang dilaksanakan
memberikan impak positif

Memastikan prestasi
perbelanjaan mengikut
jadual pelaksanaan

Memastikan nilai terbaik
untuk wang melalui Prinsip
Dasar Harga Terendah



T4: PEMBUDAYAAN AMALAN TADBIR URUS YANG MURNI

MASA/ TEMPOH	PIHAK TERLIBAT	KPI SASARAN	SASARAN
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Khidmat Pengurusan	Prestasi Bayaran dalam tempoh 7 hari bekerja Prestasi bayaran dalam tempoh 14 hari bekerja	2021-2025 – 100% 2021-2025 – 100%
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Khidmat Pengurusan	Pemantauan prosedur kerja standard	2021-2025 100%
2021 – 2025	Audit SIRIM Audit MAMPU J/K Penyelaras Audit Dalam & Dokumentasi J/K Pemverifikasi Aset	Pematuhan Prosedur Kerja Standard Pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti	2021-2025 100% 2021 – 90% 2023 – 2025 melebihi 90%
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Khidmat Pengurusan J/K Sebutharga	Sebutharga bagi projek bawah RM20 ribu melalui Mesyuarat J/K 3 sebutharga terendah bagi perolehan perbekalan dan perkhidmatan	2021 – 2025 100% 2021 – 2025 100%

TERAS STRATEGIK

T4: PEMBUDAYAAN AMALAN TADBIR URUS YANG MURNI

STRATEGI	AKTIVITI / PROGRAM	OBJEKTIF / OUTCOME
<p>3</p> <p>Meningkatkan Kecekapan Dan Keberkesanan Pengurusan Sumber Manusia Dan Kompetensi Modal Insan</p>	<p>Melaksanakan program/aktitivit yang terdapat di dalam Pelan Strategik Sumber Manusia</p>	<p>Memastikan jurang kompetensi dikecilkan di antara kekitangan berkemahiran dan kurang berkemahiran</p>
	<p>Program pengukuhan nilai dan etika</p>	<p>Integriti dan akauntabiliti pegawai dan kakitangan ditingkatkan</p> <p>Membangun pemikiran kreatif dan inovatif di kalangan warga kerja</p>
	<p>Program Pengukuhan Organisasi dan Kapasiti Sumber Manusia</p>	<p>Memastikan pengisian perjawatan dibuat di semua peringkat</p>
	<p>Program pemantapan dan pengisian modul HRMIS</p>	<p>Menambahbaik dan memperkemas kualiti dan produktiviti kerja</p>
	<p>Memastikan pelaksanaan Majlis Bersama Jabatan</p>	<p>Menambahbaik dan memperkemas kualiti dan kepuasan pekerja terhadap majikan</p>
	<p>Melaksanakan Kajian Audit Nilai</p>	<p>Membudayakan pengurusan organisasi yang cemerlang</p>



T4: PEMBUDAYAAN AMALAN TADBIR URUS YANG MURNI

MASA/ TEMPOH	PIHAK TERLIBAT	KPI SASARAN	SASARAN
2021 - 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Khidmat Pengurusan / Semua Bahagian dan Unit	Kajian Semula Pelan Strategik Sumber Manusia setiap 2 tahun	2021-2025 100%
2021 - 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Khidmat Pengurusan	Pekerja menghadiri SATU hari kursus / latihan	2021-2025 100%
2021 - 2025	Pengurusan Tertinggi	Pengisian perjawatan	2021 – 90% 2022 – 90% 2023 – 95% 2024 – 95% 2025 – 95%
2021 - 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Khidmat Pengurusan	Tahap penggunaan modul HRMIS dicapai mengikut KPI yang ditetapkan	2021 – 95% 2022 – 98% 2023 – 100% 2024 – 100% 2025 – 100%
2021 - 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Khidmat Pengurusan	Pelaksanaan Mesyuarat MBJ dilaksanakan	2021-2025 100%
2021 - 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Khidmat Pengurusan	Peratusan pencapaian objektif meningkat	2021 – 90% 2022 – 95% 2023 – 95% 2024 – 100% 2025 – 100%

TERAS STRATEGIK

T4: PEMBUDAYAAN AMALAN TADBIR URUS YANG MURNI

STRATEGI	AKTIVITI / PROGRAM	OBJEKTIF / OUTCOME
<p>4</p> <p>Memperkasa Pengurusan Dan Agenda Pembudayaan ICT Dalam Penyampaian Perkhidmatan</p>	<p>Meningkatkan keberkesanan pengurusan Meja Bantuan</p>	<p>Pemacu ke arah kualiti penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan</p>
	<p>Pelaksanaan Kerajaan Elektronik</p>	<p>Menjimatkan masa dan kos Capaian meluas dan efektif Ke arah membangun aplikasi dan penyediaan infrastruktur ICT</p>
	<p>Meningkatkan keberkesanan infrastruktur dan pembudayaan ICT</p>	<p>Pembudayaan ICT dalam penyampaian perkhidmatan Meningkatkan dan memantapkan infrastruktur rangkaian Meningkatkan kepakaran pagawai teknikal ICT melalui perkongsian ilmu</p>
<p>5</p> <p>Mempertingkatkan Kompetensi Pengurusan Pelanggan Dan Ekspektasi Pelanggan Terhadap Jabatan</p>	<p>Pembangunan Garis panduan pengurusan pelanggan berpandukan kepada pekeliling dan panduan sedia ada.</p> <p>Pemantapan pelaksanaan/pengoperasian pengurusan pelanggan</p>	<p>Memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab</p>




T4: PEMBUDAYAAN AMALAN TADBIR URUS YANG MURNI

MASA/ TEMPOH	PIHAK TERLIBAT	KPI SASARAN	SASARAN
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Khidmat Pengurusan	Pematuhan Objektif Kualiti MS ISO 9001: 2015	100%
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Khidmat Pengurusan	Pelaksanaan Mesyuarat J/K Tadbir Urus Laman Web	100%
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Khidmat Pengurusan	Penukaran Komputer di Bilik Latihan ICT Penggantian bateri UPS Penggantian peralatan rangkaian (switch) di setiap aras	31 unit 1 set 17 unit
2021 – 2025	Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Khidmat Pengurusan	Prestasi Pengurusan Bayaran dalam tempoh 14 hari bekerja Bayaran dalam tempoh 7 hari bekerja Kajian kepuasan pelanggan	2021-2025 100% 2021-2025 Melebihi 95% 2021 – 90% 2022 – 95% 2023-2025 100% 2021-2025 100%

PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA

Aspirasi untuk memperkemas dan memperhebat Sistem Penyampaian Perkhidmatan merupakan komitmen setiap Bahagian/Unit di PDTKL. Tanggungjawab dan peranan yang signifikan ini digembleng bagi memastikan strategi dan pelan tindakan yang terkandung dalam Pelan Strategik ini dicapai mengikut petunjuk prestasi yang ditetapkan menjelang tahun 2025. Dalam konteks ini, pemantauan dan kajian semula perlu dilaksanakan agar semua aktiviti/program sentiasa berada pada landasan sebenar bagi mencapai objektif utama pelan strategik berdasarkan 4 teras strategi yang telah digariskan. Untuk itu, satu jadual komprehensif perancangan telah dibentuk bagi memantau pelaksanaan aktiviti/program di bawah Pelan Strategik PDTKL Tahun 2021 – 2025 seperti berikut:





PENCAPAIAN



- Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat telah mencapai 100 peratus KPI HRMIS.
- Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat telah menjadi Juara Sukan Antara Pejabat Daerah Tanah Negeri Selangor.



- Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat telah mencapai 100 peratus KPI HRMIS.



- Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menjadi Juara Sukan Antara Pejabat Daerah/Tanah dan Pejabat Tanah Galian (PTG) Negeri Selangor.



- Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat telah menerima Penilaian Penarafan Empat Bintang (SSR) Pentadbiran Tanah Tahun 2018 (Pusingan Kedua).



- Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menjadi Juara Sukan Antara Pejabat Daerah/Tanah dan Pejabat Tanah Galian (PTG) Negeri Selangor.



- Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menerima Sijik Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) – *Do It Yourself (DIY)*.

*Dia yang
menaruh
kepercayaan
pada dunia,*



PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan tidak terhingga kepada Pegawai Daerah Kuala Langat, Tuan Haji Mohd Jusni bin Hashim atas sokongan dan dorongan yang diberi sejak awal pembangunan Pelan Strategik Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat tahun 2021-2025.

Syabas dan tahniah kepada semua Ketua Penolong Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah dan seluruh warga kerja Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat atas sumbangan, idea dan saranan sepanjang perjalanan menerbitkan Pelan Strategik ini.

Semoga hasil usaha ini dapat meraih manfaat dan seterusnya mengangkat martabat Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat seiring dengan kecemerlangan agensi dan jabatan di peringkat global.

TERIMA KASIH
ANDA DIUTAMAKAN

PELAN STRATEGIK TAHUN 2021 – 2025



PEJABAT DAERAH/TANAH KUALA LANGAT

Kompleks Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat
Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah, Kota Sri Langat (Sungai Sedu)
42700 Banting, Selangor Darul Ehsan

 03 – 3182 2555

 03 – 3187 2011

 <http://www.selangor.gov.my/kualalangat>